

**NO. SOALAN : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah masyarakat Malaysia yang berumur 35 tahun ke bawah yang diisytiharkan bankrap. Apakah tindakan mahupun langkah yang boleh dilakukan oleh Kementerian dalam membendung masalah ini.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kes kebangkrapan membabitkan individu berumur 35 tahun ke bawah dari tahun 2011 hingga September 2015 adalah seramai 22,663 orang. Peranan Jabatan Insolvency Malaysia hanya bermula apabila individu terbabit telah dijatuhkan Perintah Kebankrapan oleh pihak mahkamah.
2. Antara punca kebangkrapan yang dikenal pasti ialah kegagalan dalam menguruskan sumber kewangan secara berhemat. Sehubungan dengan itu, Bank Negara Malaysia melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ada menawarkan program-program pengurusan kewangan yang bijak sebagai langkah pencegahan kebangkrapan.
3. Sepanjang tahun 2015, terdapat 67 aktiviti *outreach* dijalankan oleh Jabatan Insolvency Malaysia dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kesan kebangkrapan. Selain itu, Jabatan Insolvency Malaysia turut menjalinkan kerjasama dengan 1M4U serta Kementerian Belia dan Sukan untuk memberikan penerangan mengenai kebangkrapan kepada golongan belia.
4. Program seperti ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada golongan belia mengenai perancangan kewangan yang baik bagi mengelakkan kebangkrapan dan kesan kebangkrapan. Program ini

diharapkan dapat mendidik golongan belia supaya lebih berhemat dalam menguruskan kewangan bagi menghindari kemelut kebangkrapan.

Sekian, terima kasih.